

SULIT



PEPERIKSAAN AKHIR

SESI : JANUARI-MEI 2014

SUBJEK : PENGAJIAN AL-QURAN DAN TAFSIR
KOD SUBJEK : USD 1383
KOD KURSUS : DMI
SEMESTER : 2
MASA : 3 JAM
TARIKH : 12 MEI 2014

Arahan kepada calon:

- (a) Jawab semua soalan di bahagian A, B dan C.
- (b) Jawapan hendaklah ditulis menggunakan dakwat biru atau hitam sahaja.
- (c) Jawapan perlu ditulis di atas kertas jawapan.

Kertas soalan ini mengandungi 5 mukasurat termasuk mukasurat hadapan.

SEKSYEN A (30 MARKAH)
SOALAN BERJAWAPAN PENDEK

1. Senaraikan **EMPAT** nama-nama al-Quran. (4 markah)
2. Sebutkan **EMPAT** tokoh penulis wahyu. (4 markah)
3. Nyatakan **EMPAT** hikmah penurunan al-Quran secara beransur-ansur. (4 markah)
4. Senaraikan **EMPAT** ciri-ciri khusus Ayat Madani. (4 markah)
5. Senaraikan **TIGA** peranan Nabi Harun a.s ketika bersama Nabi Musa a.s. (3 markah)
6. Nyatakan hukum membaca al-Fatihah pada setiap rakaat di dalam sembahyang berdasarkan mazhab Syafie dan kemukakan **SATU** dalil naqli berkenaan hukum tersebut. (4 markah)
7. Nyatakan **TIGA** waktu anak-anak perlu meminta izin masuk ke bilik ibu bapa. (3 markah)
8. Berikan **EMPAT** nasihat khusus Luqman al-Hakim kepada anaknya seperti yang terdapat di dalam Surah Luqman. (4 markah)

SEKSYEN B : SOALAN STRUKTUR (30 MARKAH)

PILIH TIGA SOALAN SAHAJA

SOALAN 1 : (10 MARKAH)

Al-Quran mempunyai berbagai mukjizat. Antara mukjizat al-Quran ialah sentiasa dijamin oleh Allah s.w.t daripada ditokok tambah untuk dijadikan pedoman dan panduan umat manusia hingga Akhirat.

- (a) Huraikan **TIGA** mukjizat al-Quran dari segi kandungan. (6 markah)
 (b) Nyatakan **EMPAT** keistimewaan Kitab al-Quran. (4 markah)

SOALAN 2 : (10 MARKAH)

Al-Quran diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w dalam bentuk wahyu melalui perantaraan malaikat Jibril a.s.

- (a) Jelaskan **TIGA** jenis penurunan wahyu dengan erti al-lihaa'. (6 markah)
 (b) Bagaimanakah cara untuk mengetahui Sebab Nuzul sesuatu ayat. (4 markah)

SOALAN 3 : (10 MARKAH)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ (168)

Maksudnya : *Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu.*

(Surah al-Baqarah, ayat 168)

- (a) Jelaskan pengertian *Halalan Tayyiban* berdasarkan ayat al-Quran di atas. (4 markah)
 (b) Nyatakan peringkat pengharaman arak menurut sejarah perundangan Islam. (6 markah)

SOALAN 4 : (10 MARKAH)

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ
جَاءَتْهُمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ
وَإِنَّا لَفِي شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَنَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ

Maksudnya : (Mengapa kamu masih berdegil) bukankah telah datang kepada kamu khabar berita orang-orang yang terdahulu daripada kamu, iaitu kaum Nabi Nuh, dan Aad juga Thamud serta orang-orang yang kemudian daripada mereka? Tiada sesiapaupun yang mengetahui bilangan mereka melainkan Allah. Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan mereka ke mulut mereka sambil berkata: "Sesungguhnya kami kufur ingkarkan apa yang kamu diutus membawanya, dan sesungguhnya kami adalah dalam keadaan yang meragukan terhadap iman dan tauhid yang kamu ajak kami kepadanya".

(Surah Ibrahim, ayat 9)

- (a) Jelaskan balasan yang menimpa Kaum Thamud dan Luth. (6 markah)
- (b) Nyatakan EMPAT cara seorang pelajar mensyukuri nikmat masa yang dikurniakan Allah s.w.t kepadanya sewaktu berada di kolej. (4 markah)

SEKSYEN C : SOALAN ESEI (40 MARKAH)
PILIH DUA SOALAN SAHAJA

SOALAN 1 : (20 MARKAH)

Nabi Musa a.s dan Nabi Isa a.s diutuskan kepada Bani Israel dan kedua-dua nabi tersebut menggunakan manhaj yang bersesuaian mengikut kepada masa dan tempat mereka diutuskan.

- (a) Huraikan manhaj yang dilakukan oleh Nabi Musa a.s dalam usaha dakwahnya.

(20 markah)

SOALAN 2 : (20 MARKAH)

Islam mengharuskan pergaulan antara lelaki dan perempuan dan telah menetapkan batas-batas pergaulan yang dibolehkan.

- (a) Terangkan peranan dan usaha ibubapa di dalam pembentukan akhlak dan peribadi anak-anak ketika mereka berada di rumah.

(20 markah)

SOALAN 3 : (20 MARKAH)

Kemuncak penulisan, pengumpulan dan pembukuan al-Quran dalam mashaf berlangsung pada masa pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan di atas usaha beliau sendiri.

- (a) Jelaskan usaha yang dilakukan oleh Khalifah Uthman bin Affan di dalam pembukuan al-Quran.

(10 markah)

- (b) Huraikan LIMA kepentingan mempelajari ulum al-Quran kepada seorang pelajar.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT